

Mahfuz cabar Perkasa, Pekida protes terhadap Soi Lek
Malaysian Insider
3 Julai, 2012
Oleh Amin Iskandar

KUALA LUMPUR, 3 Julai — Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar, hari ini mencabar Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) dan Pertubuhan Kebajikan Dakwah Islamiah (Pekida) agar menganjurkan protes terhadap presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek, diatas kenyataan dilaman Twitter yang dianggap menghina Islam.

Kenyataan bekas menteri kesihatan itu sebagai reaksi kepada cadangan Adun Kemelah, Datuk Ayub Rahmat, yang mahu Johor menjadi negeri pertama melaksanakan hukum Hudud sebenar menurutnya berbeza dengan Hudud PAS kerana turut melibatkan bukan Muslim..”

“Saya nak tanya apa sikap presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, terhadap Soi Lek yang mengatakan cadangan Adun Umno untuk laksana Hudud di Johor sebagai satu cadangan yang gila,” kata Mahfuz (gambar), yang juga ahli parlimen Pokok Sena.

“Saya cabar Perkasa dan Pekida untuk berdemonstrasi dihadapan Chua Soi Lek jika mereka benar-benar pejuang Islam.”

Ayub Rahmat baru-baru ini menggemparkan negara apabila mencadangkan agar Johor menjadi negeri pertama melaksanakan Hudud sebenar yang berbeza dari hudud PAS.

Adun Kemelah itu mendakwa, Hudud sebenar turut merangkumi masyarakat bukan Islam berbeza dengan hudud PAS yang beliau anggap sebagai bermain politik semata-mata.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mahfuz-cabar-perkasa-pekida-protes-t-erhadap-soi-lek/>